

TELEFON : 2382911 / 2381903 / 2381905 / 2380693
FAX : 2380652 / 2380653 / 2380673 / 2384170
E-MAIL : info@kkbs.gov.bn
WEBSITE : www.kkbs.gov.bn



كمنتريڤ كڤوراڤان - بليادان سوكڤن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
MINISTRY OF CULTURE, YOUTH AND SPORTS
SIMPANG 336-17, JALAN KEBANGSAAN
BANDAR SERI BEGAWAN BS8110
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KKBS/HK/6 - 2020

15 Safar 1441
14 Oktober 2019

Yang Mulia
Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Dato,

**PERADUAN MENCIPTA LOGO
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE-36, TAHUN 2020**

Dengan hormat sukacita memaklumkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sekali lagi akan menjadi penyelaras Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

- Untuk makluman, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah bersetuju bagi mengadakan Peraduan Mencipta Logo sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020. Tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 adalah "Menjayakan Wawasan Negara".
- Penyertaan adalah dibukakan kepada pegawai dan kakitangan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam dengan syarat-syarat yang ditetapkan.
- Untuk sebarang maklumat lanjut, borang pendaftaran dan syarat-syarat penyertaan bolehlah dimuat turun di laman sesawang www.kkbs.gov.bn. Tarikh tutup penyertaan adalah pada hari Khamis, 31 Oktober 2019 dan borang hendaklah dikembalikan kepada Urus Setia dalam sampul surat di alamat:-

**Urus Setia (Pertandingan Mencipta Logo)
Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam
Ke-36, Tahun 2020
Tingkat 7, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan BS8110
Negara Brunei Darussalam**

Sekian disampaikan untuk perhatian dan tindakan Dato mengenainya.

Guru Inovatif, Pelajar Cemerlang

Dengan hormat,

**[AWANG HAJI AMER HAMZAH BIN PEHIN ORANG KAYA AMAR PAHLAWAN
DATO SERI SETIA HAJI AWANG ZAKARIA]**

b.p. Setiausaha Tetap

Selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam
Ke-36, Tahun 2020

